



KELAB KUCING MALAYSIA

www.kelabkucingmalaysia.com

Facebook “the official site of kelab kucing Malaysia”



10 KEISTIMEWAAN MENJADI AHLI KELAB KUCING MALAYSIA

1. Saya boleh menimba pengetahuan mengenai cara penjagaan kucing yang betul dari segi kesihatan dan pemakanan.
2. Saya boleh mengenal dan belajar tentang pelbagai jenis kucing baka baik (pedigree) di samping mempelajari sejarahnya dan ciri-ciri unik kucing-kucing berkenaan.
3. Saya boleh membeli kucing baka baik (pedigree) menerusi ahli-ahli Kelab Kucing Malaysia (KKM) yang berdaftar dengan KKM yang dijamin kualitasnya.
4. Pertandingan Kucing Antarabangsa sering diadakan oleh KKM dan ini memberi peluang kepada saya untuk mempamerkan kucing saya dan di hakimi oleh hakim antarabangsa yang bertauliah dan prestij.
5. Selain pertandingan. KKM juga menganjurkan pameran kucing kepada orang ramai. Ini adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran pada orang ramai mengenai betapa pentingnya penjagaan kucing dan masalah populasi kucing terbiar yang semakin banyak. Saya juga boleh berkongsi ilmu pengetahuan tentang kucing dan segala yang berkaitan dengan orang ramai.
6. Sebagai sebuah kelab yang prihatin, aktiviti Kelab Kucing Malaysia tidak hanya terhad kepada menjaga kebajikan kucing tetapi juga peka kepada isu-isu semasa kemasyarakatan. KKM sering mengadakan aktiviti-aktiviti bersama rumah-rumah kebajikan bagi memupuk dan menanam semangat keperihatinan dan tanggungjawab di kalangan ahli-ahli KKM.
7. Disamping aktiviti yang berkaitan dengan kucing, KKM juga menjalankan aktiviti-aktiviti social yang lain bagi tujuan mengeratkan tali silaturahim di kalangan ahli-ahli KKM seperti jamuan, hari keluarga, berkelah dan sebagainya.
8. Ceramah, bengkel dan seminar juga akan diadakan khas untuk ahli-ahli KKM sahaja dari masa ke semasa bagi tujuan memperluaskan lagi ilmu pengetahuan ahli-ahli mengenai baka baik (pedigree) kucing, stewarding dan sebagainya.
9. KKM telah ditubuhkan sejak 1971 dan juga bernaung dibawah Federation International Feline (FIFe), sebuah organisasi dunia kucing yang tertua di dunia sejak 1949 yang mempunyai lebih 200 orang hakim antarabangsa bertauliah dan 75000 kelab berdaftar denganya. Ini membuka peluang untuk ahli-ahli menimba ilmu pengetahuan dari Luar Negara, khususnya melalui interaksi dengan ahli-ahli kelab lain yang juga bernaung di bawah organisasi dunia yang sama
10. Sijil pedigree yang dikeluarkan oleh KKM adalah di iktiraf oleh Federation International Feline (FIFe) dan kucing baka baik (pedigree) yang berdaftar boleh dipertandingkan di semua kelab FIFe seluruh dunia.